

Perubahan pemimpin tidak bawa bencana

Oleh Mohd Shah Abdullah

B.H. 15 SEP 1993

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata perubahan kepemimpinan negara ini di masa depan tidak akan membawa sebarang bencana besar terhadap dasar dan haluan negara.

Ini kerana, katanya, jika berlaku perubahan, idea dan falsafah yang baik terutama untuk kemajuan masyarakat keseluruhannya dan pembangunan negara tidak akan berkubur tetapi akan diteruskan.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir berkata, apa yang penting ialah menanamkan idea serta falsafah yang baik ke arah itu.

"Rakyat tidak perlu khawatir dengan kemungkinan perubahan yang berlaku di masa depan itu.

"Saya percaya jika berlaku perubahan, tidak ada bencana besar akan berlaku, kerana jika seseorang itu mati, tidak bermakna ideanya juga akan mati. Nabi wafat tetapi agama terus kekal," katanya.

Menjawab pertanyaan seorang peserta asing mengenai sikap kerajaan terhadap taraf dan kedudukan wanita di negara ini, Perdana Menteri berkata, layanan terhadap wanita di negara ini adalah sama seperti yang diperolehi golongan lelaki.

Menurutnya, wanita di negara ini dibenarkan bertanding dalam pilihan raya dan menjadi Perdana Menteri, walaupun ada sesetengah pihak yang tidak bersetuju dengan perkara itu.

Dr Mahathir berkata, kerajaan yakin wanita mampu memberi sumbangan lebih besar dan kini terbukti banyak kejayaan dicapai oleh mereka dalam pelbagai bidang kerjaya.

"Kita mempunyai ramai peguam wanita. Kebanyakan mereka yang terbabit dalam bidang perundangan adalah wanita. Begitu juga lebih ramai wanita belajar di bidang perubatan berbanding lelaki. Mereka lebih mahir dan bijak.

"Kita juga tidak menghalang wanita untuk menjadi juruterbang dan ka-

Perdana Menteri menjawab soalan seorang peserta di sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan dasar di Seminar Peranan dan Pengaruh Agama-Agama Dalam Masyarakat, di sini, hari ini.

Peserta berkenaan menimbulkan rasa khawatir terhadap dasar negara di masa depan selepas ketiadaan Dr Mahathir, yang setakat ini berjaya meletakkan asas kukuh dalam pembinaan masyarakat pelbagai kaum dan agama.

Seminar empat hari yang dianjurkan bersama oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) dan Institut Goethe Kuala Lumpur, turut dihadiri pegawai kanan kerajaan, tokoh korporat, ahli akademik dan wartawan yang didatangkan khas dari Jerman untuk membuat liputan sepanjang persidangan itu.

Katanya, kejayaan yang dicapai negara sehingga ini bukan usaha beliau seorang sahaja tetapi melibatkan seluruh rakyat dan juga sumbangan kakitangan kerajaan.

lau mereka mahu memakai tudung kepala, ia juga tidak menjadi halangan," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada kecenderungan di kalangan umat Islam negara ini melihat Islam sebagai agama untuk akhirat semata-mata dan tidak menghubungkannya dengan kehidupan.

"Apa yang harus diberi penekanan ialah mencari titik keseimbangan di antara kehidupan dunia dan akhirat dan jika itu dapat dilakukan, separuh daripada masalah di negara ini berjaya diselesaikan.

"Separuh lagi ialah bagaimana mengurus untuk hidup dalam keadaan harmoni antara masyarakat berbilang kaum, agama dan kebudayaan," katanya.

Beliau juga mahu kefahaman sebenar terhadap al-Quran di kalangan rakyat dapat diperbetulkan melalui penafsiran jelas bagi mendidik masyarakat dengan ajaran Islam yang sebenar.

Menjawab satu soalan

LIHAT MUKA 2

Kerajaan amal tolak ansur

DARI MUKA 1

B.H. 15 SEP 1993

lain, Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa mengamalkan sikap tolak ansur dengan terus membenarkan kewujudan parti politik, termasuk yang menggunakan nama Islam, selagi ia tidak melakukan kekerasan.

Dr Mahathir berkata, setakat ini kewujudan parti politik berkenaan tidak menimbulkan keadaan yang membawa kepada kekerasan dan boleh mengancam ketenteraman awam.

Menurutnya, walaupun pemimpin dalam parti berkenaan mendakwa kerajaan tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya, tindakan itu tidak sampai kepada perbuatan tidak bertanggungjawab sehingga me-

nganjurkan kekerasan.

Beliau menjelaskan kerajaan boleh mengambil tindakan undang-undang sewajarnya ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab menganjurkan kekerasan termasuk menahan mereka tanpa perbicaraan.

Perdana Menteri berkata, semua pihak mempunyai tanggungjawab dan tidak menghasut rakyat pelbagai kaum di negara ini supaya bergaduh antara satu sama lain, sebaliknya mengamalkan sikap bertoleransi.

Menjawab soalan mengenai kedudukan kakitangan awam yang kebanyakannya Islam tetapi membuat keputusan berdasarkan tafsiran sendiri, Dr Mahathir berkata, wa-

laupun majoriti kakitangan awam beragama Islam, mereka sentiasa bersikap adil terhadap semua pihak dan mengamalkan dasar yang dituntut oleh agama.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Ketua Pengarah Ikim, Datuk Dr Ismail Ibrahim dan Pengarah Institut Goethe, Dr Matthias Rick.

Dua puluh soalan dikemukakan oleh peserta persidangan kepada Dr Mahathir yang mengambil masa dua jam selepas beliau menyampaikan ucapan dasarnya itu.

Beliau menerima tepukan bergemuruh selepas berakhirnya sesi soal jawab itu.